

TASK FORCE KEBERSIHAN WILAYAH PESEKUTUAN

1. *Task Force* Kebersihan Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada Jun 2013 khusus bagi menangani masalah kebersihan di Wilayah Persekutuan dan mempertingkatkan tahap kebersihan di Wilayah Persekutuan, terutamanya di tempat tumpuan awam dan para pelancong. Pelancaran Kempen Kebersihan telah diadakan pada 23 November 2013. Zon Kebersihan yang pertama adalah di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan pada April 2014, pihak KWP telah bersetuju untuk meluaskan Zon Kebersihan ke kawasan Jalan Petaling.
2. *Task Force* ini diperkasakan dengan pelaksanaan 11 Program Kebersihan termasuklah yang diterajui oleh jabatan-jabatan teknikal dan pelaksana dari DBKL. Tahap pencapaian bagi setiap program dilaporkan secara berkala semasa mesyuarat *Task Force*. Program-program ini telah memperlihatkan impak positif yang telah menaik taraf tahap kebersihan di ibu kota. Antaranya adalah :
 - Pengindahan bangunan usang di kawasan-kawasan tumpuan di Kuala Lumpur melalui Program Mengecat Semula Bangunan Usang di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Bukit Bintang, Jalan Petaling, Jalan Chow Kit dan Leboh Ampang;
 - Penambahbaikan longkang, jalan dan struktur di lorong belakang juga dijalankan di beberapa kawasan misalnya di Lorong Petaling, Lorong Alor, Lorong Bandar dan Lorong Panggung;
 - Penguatkuasaan penggunaan *grease trap* yang telah meningkatkan kebersihan di premis-premis makanan;

- Pembersihan iklan-iklan dan notis-notis haram yang mencacatkan pemandangan di ibu kota; dan
 - Menangani isu berkaitan penjaja iaitu mengadakan program *engagement* dan menjalankan penguatkuasaan ke atas penjaja yang tidak mematuhi syarat lesen.
3. Salah satu program yang juga dijalankan di bawah *Task Force* ini adalah Program Basmi Tikus dan Haiwan Terbiar. KWP bersama-sama pihak DBKL akan menjalankan suatu kajian terhadap isu populasi tikus dan kaedah-kaedah untuk mengawal bilangannya di Kuala Lumpur. Selain itu, kita juga akan melaksanakan penutupan pasar-pasar di Kuala Lumpur secara berkala bermula dengan pasar-pasar besar seperti Pasar Pudu dan Pasar Chow Kit bagi tujuan pembersihan secara bergotong-royong.
4. Bagi tahun 2015, Jawatankuasa *Task Force* ini telah mengenalpasti hala tuju baharu untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kelancaran program yang telah dijalankan sepanjang tahun supaya ianya dapat memberikan impak yang signifikan terutamanya bagi persediaan negara kita sebagai tuan rumah bagi persidangan negara-negara ASEAN (*ASEAN Summit*) pada tahun 2015.

**PILOT PROJECT PROGRAM MENGECAT SEMULA BANGUNAN USANG DI
JALAN ALOR, BUKIT BINTANG**



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



PROGRAM MENGECAT SEMULA BANGUNAN USANG DI JALAN TUN HS LEE



SEBELUM



SELEPAS

**PROGRAM MENGECAT SEMULA BANGUNAN USANG DI LORONG BONUS,
JALAN MASJID INDIA**



SEBELUM



SELEPAS

**PROGRAM PENAMBAHBAIKAN LONGKANG, JALAN DAN STRUKTUR DI LORONG
BELAKANG DI LORONG PETALING**



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS

**PROGRAM PENAMBAHBAIKAN LONGKANG, JALAN DAN STRUKTUR DI LORONG
BELAKANG DI LORONG BANDAR**




SELEPAS




SEBELUM

**PROGRAM PENAMBAHBAIKAN LONGKANG, JALAN DAN STRUKTUR DI LORONG
BELAKANG DI JALAN HANG LEKIR**



SEBELUM



SELEPAS

PROGRAM KAWALAN TIKUS DI PASAR PUDU



KEMPEN 1TIKUS 1RINGGIT DI PASAR HARIAN SELAYANG



KEMPEN 1TIKUS 1 RINGGIT DI PASAR RAJA BOT

